

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)27**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

27. Huraikan keputusan Lembaga Rayuan EIA membatalkan kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi projek *Penang South Reclamation (PSR)*.
- (a) Apakah implikasi keputusan pembatalan kelulusan EIA terhadap projek PSR?
  - (b) Apakah tindakan susulan perlu dilakukan?
  - (c) Adakah *Penang Transport Master Plan (PTMP)* dapat dimulakan sekiranya kelulusan PSR tertangguh?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Lembaga Rayuan [di bawah Seksyen 36, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)] yang bersidang dari 6 hingga 8 September 2021 telah memutuskan bahawa Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek "*The Proposed Reclamation and Dredging Works for Penang South Reclamation (PSR)*" yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling pada 25 Jun 2019 diketepikan. Keputusan ini adalah kerana kelulusan tersebut

telah diberi sebelum Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 digazetkan dan berkuat kuasa.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memaklumkan sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan projek PSR ini, Laporan EIA yang baru dengan data terkini hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan lanjut JAS.

- (a) Implikasi daripada pembatalan keputusan Laporan EIA ini telah mengganggu perancangan awal Kerajaan Negeri dalam memulakan kerja-kerja penambakan Pulau PSR yang sepatutnya bermula pada penghujung tahun ini.
- (b) Kerajaan Negeri akan mengemukakan semula Laporan EIA ini dan penyediaan dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya sembilan (9) bulan (sehingga peringkat kelulusan). Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga akan memohon semakan semula kehakiman.
- (c) Kerajaan Negeri amat komited dalam melaksanakan komponen-komponen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang

(PTMP) yang lain setelah kelulusan wajib diperolehi daripada agensi-agensi yang berkaitan.